

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN NGA KOR MING  
(TAIPING)**

**SOALAN:**

**Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan jumlah perbelanjaan Kerajaan untuk memperkasakan sistem pertahanan negara demi menjaga kedaulatan negara mengikut pasukan TD, TUDM, TLDM dalam tempoh tahun 2008 hingga 2014.**

**JAWAPAN:**

**Kos perbelanjaan bagi ketiga-tiga Perkhidmatan dalam Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dari tahun 2008 hingga 2014 yang telah dibelanjakan untuk memperkasakan sistem pertahanan Negara mengikut Perkhidmatan masing-masing adalah Tentera Darat (TD) sebanyak RM 7.6 billion, Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) sebanyak RM 11.3 bilion dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) sebanyak RM 11.09 bilion.**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS : TUAN NGA KOR MING [ TAIPING ]  
DARIPADA**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Tuan Nga Kor Ming [ Taiping ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan secara terperinci pecahan peruntukan sekolah mengikut aliran sekolah SK, SJK(C) , SJK (T), Sekolah Vokasional dan Sekolah Agama Rakyat dari 2008 hingga 2014.

**JAWAPAN**

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Peruntukan yang diluluskan kepada semua jenis sekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) setiap tahun adalah berdasarkan peruntukan yang diluluskan oleh Parlimen. Peruntukan tersebut meliputi belanja mengurus, pembangunan dan peruntukan khas seperti Pakej Ransangan Ekonomi (PRE) dan Pakej Ransangan Khas (PRK). Sebagai contoh dalam PRK 2014, sekolah kebangsaan mendapat RM100 juta, SJKC diperuntukan RM50 juta dan SJKT mendapat peruntukan sebanyak RM50 juta.